



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Agensi 2008

Kecemerlangan setiap pegawai dan kakitangan merupakan penyumbang kepada kejayaan sesebuah jabatan dan ia selayaknya diberikan penghargaan.


Bertitik tolak dari itulah, tanggal 9 Jun 2009 lalu telah diadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan 2008 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Majlis yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan serta Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah menyaksikan seramai 984 orang pegawai dan kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008.

Penerima anugerah daripada kalangan pegawai dan kakitangan DBKL merupakan kumpulan penerima terbesar iaitu seramai 838

orang. Mereka terdiri daripada seramai 39 orang daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 799 orang daripada Kumpulan sokongan.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M. Saravanan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Dato' Ahmed Phesal Thalib, Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dato' Basiran Saban dan Pengarah Tanah dan Galian Haji Hasim Haji Ismail.





DARI MEJA DATUK BANDAR

DATO' AHMAD FUAD

B. ISMAIL

Bagi mengiktiraf prestasi kerja cemerlang dan kesungguhan kerja yang sangat tinggi semasa menjalankan tugas-tugas mereka, baru-baru ini seramai 838 pegawai dan kakitangan DBKL telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2008. Daripada jumlah tersebut seramai 39 orang adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 799 orang lagi terdiri daripada kakitangan Kumpulan Sokongan.

Sebagaimana sebuah organisasi yang sentiasa berhadapan dengan orang ramai komitmen yang tinggi daripada semua pegawai dan kakitangannya amat diperlukan. Sikap sentiasa mementingkan kecemerlangan dalam setiap tugas yang dipertanggungjawabkan seharusnya menjadi amalan setiap pegawai dan kakitangan yang menjadi asas kepada kejayaan organisasi DBKL. Namun dalam masa yang sama kita harus menganjak paradigma daripada menilai kejayaan yang berasaskan output kepada kejayaan yang berasaskan outcome. Misalnya, penekanan kita bukan pada bilangan mesyuarat yang diadakan atau kekerapan lawatan ke luar negeri tetapi kepada apakah hasil yang tercapai daripada mesyuarat dan lawatan yang telah dibuat. Begitu juga bukannya berapa banyak Pusat Komuniti yang telah disediakan tetapi apakah impak kemudahan tersebut kepada orang ramai.

Sehubungan dengan itu, apa yang diharapkan pengiktirafan yang diberikan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini akan terus memberikan galakan kepada pegawai dan kakitangan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bersesuaian dengan keperluan untuk mewujudkan bekerja yang berilmu, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tenaga dan berdaya maju. Ini penting bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan berupaya menangani keperluan dan cabaran semasa. Kita harus lagi dengan komitmen untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia.

From The Mayor's Desk

To honour their excellent performance and strong commitment in carrying out their duties 838 City Hall officers and staffs were selected to receive the Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008. 39 of them were from the Management and Professional group while another 799 were from the Support Unit.

As an organization that serves the public all officers and staff should be highly committed. Each and every officers and staff should practice and strive for excellence for it is the foundation of DBKL's success. At the same time however we have to shift our paradigm from counting less on our output but more on our efforts to emphasize on the outcome. For example, we should not put too much weight on how many meetings should we conduct or how often should we have overseas trips but to think of what are the outcomes we should achieve from the meetings and the excursions. Similarly, it is not how many Pusat Komuniti that we have built that matters but what impact it has upon the public.

In relation to that we hope that this recognition given through the Anugerah Perkhidmatan Cemerlang will be an incentive to officers and staff to serve effectively in accordance with the need to establish knowledgeable, skillful, competitive, stalwart and forward moving workers. This is important so as to ensure that the services given will fulfill the requirements and current challenges especially when we are committed to transform KL into a city of world status.

Sayangi Kuala Lumpur

EXCELLENT SERVICE AWARD THE MINISTRY OF FEDERAL TERRITORY AND ITS AGENCIES 2008

The excellent performance of officers and staff is the primary contributor to the success of a department, and as such, has to be recognised.

It is by this virtue that on 9th June 2009 the Federal Territory Ministry's Excellent Service Award Ceremony was conducted at the Dewan Seri Siantan, of The Putrajaya Corporation Complex. This ceremony was organised by The Ministry of Federal Territory, in cooperation with agencies under its ambit, namely, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Putrajaya Corporation, Labuan Corporation as well as The Federal Territory Land and Minerals Office. During the ceremony 984 officers and staff received their Excellent Service Award for the year 2008.

Most of the award, a total of 838, went to the officers and staff of DBKL. They comprise 39 Management and Professional staff and 799 from the support Group.

Some of the dignitaries present during the ceremony were the Minister of Federal Territory, Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin, his Deputy, Datuk M. Saravanan, the Secretary General of the Ministry of Federal Territory, Dato' Ahmed Phesal Thalib, The President of Putrajaya Corporation, Tan Sri Samsudin Osman, The Mayor of Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail, the Chief Executive Officer of Labuan Corporation, Dato' Basiran Saban dan the Director of Land and Minerals Office, Tuan Haji Hasim Haji Ismail.



Sidang Redaksi

Penasihat : Y.Bhg Dato' Ahmad Fuad bin Ismail

Ketua Editor : Y.Bhg Datuk Hj Salleh bin Yusop

Editor : Anwar bin Mohd Zain

Sub-Editor : Nor Iz Hayza binti Md Zam

Pembantu Editor : Eny Hezrin binti Hanafiah
Wan Norazah binti Wan Md Nor

Jurufoto : Mubarak b. Atan
Abd Rhani bin Md Shohor
Md Ismail bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada :

Sidang Redaksi Berita Bandaraya
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2617 9803 Faks : 03-2698 0460
Emel : penerbitan@dbkl.gov.my

